



*ISTANA ALAM SHAH  
KLANG.*

**TITAH UCAPAN  
DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR  
DI MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA  
RAKYAT DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN  
HARI RAYA BESETA PERASMIAN MASJID  
AL-MA'ARUFIAH, KAMPUNG PARIT BARU,  
SUNGAI AIR TAWAR, SABAK BERNAM PADA  
HARI JUMAAT 14 APRIL 2023, BERSAMAAN 23  
RAMADHAN 1444 HIJRAH**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala, Tuhan semesta alam, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurniaNya, di bulan Ramadhan yang mulia ini Beta berkesempatan untuk berangkat ke majlis berbuka puasa bersama rakyat di samping merasmikan Masjid di Kampung Parit Baru, Sungai Air Tawar, Sabak Bernam, pada petang ini. Perasmian masjid ini merupakan perasmian masjid yang ketujuh sepanjang bulan Ramadhan tahun ini. Beta juga bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan berkat doa seluruh rakyat jelata Beta, Beta diberi kesihatan yang baik dan dapat menjalankan ibadah puasa.

Di dalam bulan Ramadhan yang penuh keberkatan ini, sama-samalah kita semua meningkatkan amal ibadat serta melakukan perkara-perkara yang baik terutama di sepuluh hari yang terakhir bulan Ramadhan. Lakukanlah amalan-amalan dengan

hati yang tulus ikhlas dan sebaik-baiknya agar kita mendapat ganjaran yang terbaik daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan kita dapat dipertemukan dengan malam Lailatul Qadar yang menjanjikan pahala yang berlipat ganda kepada mereka yang beramat pada malam yang berkenaan.

Di majlis ini Beta mengambil kesempatan untuk mengingatkan kepada seluruh rakyat terutama rakyat Beta di Negeri Selangor yang berbilang bangsa, keturunan dan agama ini supaya terus mengukuhkan perpaduan dan saling hormat menghormati antara satu sama lain dan bersatu-padu agar negara ini terus aman dan makmur serta rakyatnya dapat menjalani kehidupan sehari-hari dengan baik. Perpaduan di dalam sesebuah negara adalah amat penting bagi memastikan kemajuan dan pembangunan negara dapat dijalankan dengan sempurna.

Bagi umat Islam khususnya orang-orang Melayu, Beta berharap ambillah peluang di bulan yang mulia ini untuk mengukuhkan lagi Silaturrahim antara keluarga dan seluruh ummah. Beta mahu melihat orang Melayu lebih bersatu-padu serta bersemangat untuk maju dalam pelbagai aspek kehidupan bagi mengharungi arus kemajuan Negara. Di samping itu juga Beta berkenan agar sifat kesopanan dan kesusilaan dapat terus dipupuk seiring dengan semangat untuk mengejar kemajuan ini. Beta tidak mahu rakyat Beta terlalu ghairah mengejar kemajuan tetapi mengabaikan nilai-nilai murni yang ada pada bangsa kita.

Beta selaku Ketua Agama Islam di negeri ini amat mengambil berat tentang hubungan persaudaraan di antara sesama umat Islam dan menasihatkan rakyat semua agar sentiasa mengelakkan dari sebarang sengketa dan permusuhan sesama

sendiri. Beta sedar bahawa di kalangan rakyat Beta akan ada perbezaan fahaman dan pandangan sama ada dari segi politik dan pendekatan pentadbiran negara. Namun, Beta mengharapkan agar perbezaan ini tidak menjadi punca dan pencetus kepada sebarang perpecahan, pertelingkahan dan permusuhan di kalangan umat Islam amnya dan orang Melayu khususnya.

Orang Melayu dan umat Islam di Malaysia amat beruntung dan sepatutnya mensyukuri nikmat keamanan dan kehidupan yang agak selesa yang dinikmati selama ini. Tambahan pula, umat Islam mempunyai kelebihan dengan wujudnya institusi masjid dan surau sebagai pusat untuk kita berkumpul menjalani ibadat secara bersama. Institusi masjid dan surau ini sewajarnya dijadikan sebagai satu platform untuk kita berbaik pakat sesama umat Islam tanpa mengira perbezaan

pangkat, kedudukan, perbezaan pandangan malah fahaman politik masing-masing.

Di dalam masa yang sama, seperti mana yang Beta selalu nasihatkan di dalam Titah-Titah Ucapan Beta sebelum ini, Beta tidak membenarkan masjid dan surau dijadikan medan dan propaganda politik kepartian. Beta sekali lagi ingin menegaskan bahawa masjid dan surau hendaklah menjadi tempat yang bebas dari sebarang pengaruh dan elemen politik kepartian. Masjid dan surau tidak seharusnya menjadi tempat membina jurang pemisah atas dasar perbezaan fahaman politik dan dendam politik. Kuliah-kuliah agama yang dijalankan di masjid dan surau tidak sepatutnya dijadikan medan atau gelanggang untuk menghina, mengumpat, menabur fitnah dan mencaci mana-mana pihak.

Peristiwa yang berlaku di beberapa negara Islam terutamanya di Timur Tengah dan sejarah keruntuhan Kerajaan Melayu Melaka juga boleh diambil iktibar dan tauladan bagi menunjukkan bahawa sesebuah kerajaan yang hebat juga boleh runtuh akibat perpecahan dan permusuhan di kalangan umat Islam. Malah apa yang dapat kita lihat sekarang ini orang Melayu telah berpecah kepada banyak golongan kerana perbezaan fahaman politik walaupun pada asasnya parti-parti politik tersebut mempunyai matlamat yang sama iaitu mendaulatkan Islam dan mempertahankan hak-hak dan kepentingan orang Melayu. Beta bimbang jika sekiranya perpecahan ini dibiarkan berterusan, umat Islam khususnya orang Melayu di Negara ini akan terus lemah dan nescaya di satu hari nanti akan hilang kuasa memerintah Negara malah akan menjadi satu bangsa yang mundur dan terpinggir di Negara sendiri.

Justeru itu, Beta menyeru agar semua Nazir dan Imam Masjid dan Surau di Negeri Selangor ini untuk memandang serius tentang perkara ini dan memastikan masjid dan surau memainkan peranan sebagai pusat perpaduan umat Islam melalui ibadah, dakwah, pengajian dan program kemasyarakatan serta mengelakkan dari dipergunakan untuk kepentingan golongan-golongan tertentu.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, tidak berapa lama lagi negeri Selangor akan mengadakan pilihanraya Dewan Undangan Negeri. Oleh itu, Beta mengambil kesempatan di sini untuk mengingatkan rakyat Beta semua agar dapat menunaikan tanggungjawab di bawah Perlembagaan untuk keluar mengundi bagi memilih pemimpin yang amanah, bertanggung jawab dan tidak mengamalkan rasuah. Beta juga

mengingatkan semua pihak agar berhemah semasa berkempen dan mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Elakkan dari perbuatan fitnah-memfitnah serta menyebarkan berita-berita palsu, menghasut rakyat untuk membenci terhadap mana-mana pihak atau pun mana-mana kerajaan ketika tempoh kempen pilihanraya diadakan.

Beta juga mengingatkan semua pihak agar tidak menggunakan agama bagi tujuan politik kepartian dan hendaklah berkempen dengan beretika dan dalam batas undang-undang sedia ada. Beta yakin sekiranya kempen dilakukan secara berhemah, rakyat akan menghormati orang-orang politik dan parti-parti politik yang bertanding serta berupaya memilih sebuah kerajaan yang bertanggung jawab demi kelangsungan kehidupan masyarakat di negeri Selangor ini.

Akhirnya Beta mengucapkan **Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri** kepada seluruh rakyat yang beragama Islam. Sambutlah Hari Raya ini dengan perbuatan-perbuatan yang baik dan memberi makna dan manfaat sesama insan. Beta menyeru kepada seluruh rakyat Negeri Selangor agar berjimat cermat dan berhemah ketika berbelanja menjelang Aidil Fitri ini. Beta juga menasihatkan rakyat jelata supaya sentia sa berhati-hati dan berwaspada semasa memandu di jalanraya.

Beta berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala semoga melindungi dan memelihara Negeri Selangor ini sebagai sebuah negeri yang maju dan makmur serta rakyatnya terus dapat hidup dalam keadaan aman dan harmoni.

Maka dengan lafaz **Bismillahir Rahmanir Rahim**,  
Beta dengan sukacitanya merasmikan Masjid ini  
dengan nama **Masjid Al-Ma'arufiah**.

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.